

Surat khabar: Utusan Sarawak (Stail)

Hari/Tarikh: 2/5/2016

Muka surat: m2

Tajuk : Unimas dedah pelajar dengan dunia kerjaya

## Unimas dedah pelajar dengan dunia kerjaya

**PROGRAM** Exploring Career Path: Aspiration For Inspiration telah diadakan di Sekolah Menengah Sains Kuching Utara (SAKURA), Kuching, baru-baru ini.

Program yang dianjurkan

oleh Innovation, Career & Education (ICE) Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dengan kerjasama IKRAM Siswa Kota Samarahan, ini melibatkan 61 orang pelajar tingkatan lima sekolah berkenaan.

Pelbagai aktiviti yang telah dijalankan seperti permainan dalam kumpulan, perkongsian daripada pelajar Unimas dan IKRAM Siswa Kota Samarahan dan sukaneka rakyat.

Menurut Pengarah Program,

Mohammad Noor Adam bin Mohd Nasir, program *Exploring Career Path: Aspiration For Inspiration* bertujuan untuk berkongsi ilmu berkaitan dunia kerjaya kepada pelajar-pelajar sekolah, selain ingin memberi-

kan motivasi kepada pelajar supaya cemerlang dalam akademik dan kokurikulum.

Program dengan anjuran bersama IKRAM Siswa Kota Samarahan ini disokong sepenuhnya oleh 20 orang fasilitator yang terdiri daripada Jawatankuasa ICE UNIMAS 2016.

"Program berbentuk khidmat komuniti sebegini amat ditekankan dalam usaha menjadikan mahasiswa untuk lebih ambil berat dan membantu masyarakat membangunkan modal insan yang cemerlang dan berdaya saing," ujarnya.

Peserta program, Abdul Muzhaffar Bin Adenan menyifatkan program sebegini amat penting bagi memberi pengetahuan kepada pelajar tentang cabaran yang bakal dihadapi dalam mendapatkan pekerjaan pada masa hadapan.

"Dengan pendedahan sebegini akan menjadikan para pelajar akan lebih fokus dan terarah bagi memasuki universiti mengikut bidang yang disukai oleh mereka," katanya.



**MOHAMMAD** Noor Adam Mohd Nasir, pengarah program *Exploring Career Path: Aspiration and Inspiration* menyampaikan cenderahati kepada wakil daripada SAKURA, Nor Dalina Ismail.

Wakil SAKURA, Dalina Ismail selaku guru Kaunseling, berkata, pihaknya sentiasa mengalu-alukan kehadiran mana-mana pihak, terutama Unimas dan ICE dalam mendekati mahasiswa dengan pelajar-pelajar sekolah. Kehadiran mahasiswa dalam membantu pihak sekolah disifatkan sebagai suatu contoh dan model terbaik yang mampu menginspirasi para pelajar.



**SESI** bergambar Pelajar-Pelajar Tingkatan Lima, Sekolah Menengah Sains Kuching Utara (SAKURA) bersama para fasilitator daripada Innovation, Career And Education Unimas dengan Kerjasama IKRAM Siswa Kota Samarahan.